

Defisit bajet berjaya dikurangkan

KUALA LUMPUR 30 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, beliau tidak akan terikut-ikut dengan rentak seorang bekas Perdana Menteri dalam menguruskan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, dalam usaha meningkatkan hasil kerajaan dan kesejahteraan rakyat, kerajaan tidak mengamalkan pendekatan terlalu berkira untuk membelanjakan dana yang kecil namun pada masa sama mengamalkan perbelanjaan berhemat ketika menggunakan peruntukan yang besar.

Menurut beliau, bagi mencapai matlamat tersebut, pentadbirannya mengambil pendekatan memotong perbelanjaan yang tidak perlu.

“Sejak menjadi Perdana Menteri, saya telah menetapkan matlamat untuk mengurangkan defisit dalam bajet negara.

“Kedudukan Malaysia di tempat kelapan dari segi kecekapan perbelanjaan kerajaan menunjukkan kejayaan kita dalam aspek berkenaan,” katanya dalam kenyataan melalui laman blog NajibRazak.com, <https://www.najibrazak.com> malam tadi.

Najib yang juga Menteri Kewangan mengulas tentang Laporan Daya Saing (GCR) 2016-2017 yang dikeluarkan Forum Ekonomi Dunia (WEF) baru-baru ini.

Berhubung laporan tersebut, Perdana Menteri memberitahu, Malaysia wajar menerima pujian kerana berjaya menduduki tempat ke-25 dalam senarai yang terdiri daripada 138 negara.

Beliau juga gembira kerana Malaysia sekali lagi diiktiraf sebagai negara paling berdaya saing berbanding negara-negara sedang membangun yang lain.

“Kita masih berada di hadapan gergasi-gergasi ekonomi seperti Korea Selatan, Iceland dan China malah pencapaian sebegini dalam iklim ekonomi global yang tidak menentu adalah amat memberangsangkan,” jelasnya.

Najib turut menyatakan komitmen kerajaan untuk meningkatkan daya saing negara berbanding negara-negara lain dalam usaha menarik dan mengekalkan pelabur-pelabur.

Menurut beliau, pendiariannya tentang perkara itu adalah jelas dan dapat dilihat melalui dasar-dasar dalam negeri yang dilaksanakan pentadbirannya.

“Walaupun faktor-faktor luaran turut mempengaruhi kedudukan keseluruhan Malaysia di tangga ke-25 berbanding tempat ke-18 dalam GCR tahun lalu, kita masih menunjukkan banyak pencapaian positif.

“Saya sentiasa menekankan bahawa matlamat Model Baharu Ekonomi adalah untuk melonjakkan Malaysia sebagai destinasi yang lebih berdaya saing, produktif dan mesra pelabur,” katanya.

Perdana Menteri berkata, dasar-dasar kerajaan terbukti berkesan apabila kedudukan Malaysia naik ke tempat keempat berbanding tangga kelima tahun lalu dari aspek perlindungan pelabur.